

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “GOLD RUSH”

Kempen “*Gold Rush*” ini (“Kempen”) dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) (“PBB”). Terma dan Syarat di bawah mengawal Kempen ini (“Terma dan Syarat”).

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023**, termasuk kedua-dua tarikh, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Akaun Pelaburan Emas (“GIA”) baharu dan sedia ada seperti yang berikut:
 - a) Individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan, termasuk bukan permastautin.
 - b) Bukan individu iaitu syarikat, keempunyaan tunggal, perkongsian, pertubuhan, kelab dan persatuan.

(dirujuk sebagai “Peserta yang Layak”)
- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad;
 - b) Individu yang tidak waras;
 - c) Bukan individu atau individu yang diisytiharkan bankrap, menghadapi penggulungan atau mempunyai apa-apa prosiding guaman dalam apa juga bentuk terhadap mereka; dan
 - d) Bukan individu dan individu yang akaunnya dipegang dengan PBB dan/atau PIBB yang culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditentukan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang layak di bawah Kempen ini ialah GIA*.

* *Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.*

3.2 Kempen ini diterima pakai untuk urusan jual beli emas iaitu pembelian emas dan penjualan emas di kaunter yang dibuat di cawangan sahaja. Urusan jual beli emas melalui Perbankan Dalam Talian PBe tidak layak di bawah Kempen ini.

3.3 Peserta yang Layak layak untuk mendapat potongan harga emas* apabila membuat urusan jual beli emas di kaunter, tertakluk pada had urus niaga minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Huraian	Urus Niaga Pembelian / Penjualan
Kuantiti minimum setiap urus niaga	1 gram
Amaun urus niaga maksimum setiap hari	Pembelian emas bersamaan dengan RM50,000 dan penjualan emas bersamaan dengan RM50,000 setiap GIA.

**Peserta yang Layak boleh mengunjungi cawangan yang berhampiran atau cawangan pemegang akaun untuk maklumat lanjut mengenai potongan harga emas.*

4. Terma dan Syarat Am

4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal GIA (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat tersebut). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal GIA, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.

4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini.

- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 4.4 PBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini, kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB berhak untuk :
 - a) menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan pindaan Terma dan Syarat tersebut akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini;

b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.

4.9 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

4.11 Peserta yang Layak diingatkan untuk membaca dan faham Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat apa-apa terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, beliau dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
